

Longgokan kotak produk mandian, pencuci di ladang sawit

Alor Gajah: Timbunan puluhan kotak yang mengandungi pelbagai produk mandian serta pencuci ditemui dilonggokkan di ladang sawit berhampiran Kampung Lendu Hillir, di sini, semalam.

Longgokan produk seperti sabun, syampu serta pewangi pakaian berjenama terkenal itu ditemui penduduk kira-kira jam 10 pagi sekali gus menimbulkan tanda tanya masyarakat di kawasan itu.

Penduduk dari Kampung Air Cantik, Hamdan Saleh, 35, berkata longgokan barangan keperluan harian itu mengundang tanda tanya, selain dibimbangi memberi impak terhadap alam sekitar serta keselamatan penduduk.

Katanya, penduduk juga khawtir status produk yang ditinggalkan itu dan tertanya-tanya mengapa ia dilonggokkan di ladang sawit itu.

"Saya bimbang tumpahan kandungan produk sabun itu boleh mengalir masuk ke Sungai Lendu terutama apabila hujan lebat. Ia sudah tentu boleh menjejaskan sungai.

"Kita tidak tahu apa motif produk ini dilonggokkan oleh pihak tidak bertanggungjawab di dalam ladang sawit.

"Pembuangan produk itu tidak seharusnya berlaku kerana kita turut membimbangkan keselamatan penduduk," katanya ketika ditemui di lokasi.

Sementara itu, tinjauan di kawasan berkenaan mendapati setengah produk yang ditinggalkan



Longgokan produk mandian dan bahan cucian yang dibuang di ladang sawit berhampiran Kampung Lendu Hillir, Alor Gajah, semalam.

[Foto Nazri Abu Bakar/BH]

kan itu masih boleh digunakan berpandukan kepada tarikh luput barangan berkenaan.

Keadaan itu sekali gus mengundang tanda tanya mengenai motif dan sebab produk terbabit dilonggokkan di dalam ladang sawit berkenaan.

Bekas sidang Kampung Lendu, Yunos Baba, 60, berkata lokasi ladang sawit itu adalah antara tempat tumpuan aktiviti pembuangan sampah haram kerana kedudukannya yang agak tersembunyi serta jauh daripada penempatan penduduk.

"Saya menyeru supaya tindakan pembersihan segera dibuat

bagi memastikan kawasan ini tidak terus menjadi tempat pembuangan sisa barangan tidak sepatutnya.

"Pemantauan secara berterusan perlu dibuat bagi memastikan tiada pihak yang sewenang-wenangnya membuang pelbagai sampah dan barangan pukal lain di kawasan ini," katanya.

Yunos berkata, pihak berkuasa perlu memasang papan tanda melarang pembuangan sampah termasuk sisa bahan binaan di kawasan itu.

Sementara itu, Pengarah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Pembersihan Awam (SWCorp) ne-

geri, Khairuladha Ab Mutalib, ketika dihubungi mengesahkan mengenai kejadian itu.

"Sebaik mendapat laporan daripada orang awam, penguat kuasa SWCorp Melaka segera menjalankan siasatan di lokasi berkenaan petang tadi (semalam) dan turut mengambil sampel produk di lokasi untuk siasatan.

"Kita juga akan berbincang dengan syarikat konsesi dan tuan tanah mengenai kerja pembersihan.

"Buat masa ini, kita juga sudah mengambil sampel alamat berdasarkan pada timbunan kotak yang

ditemui untuk siasatan lanjut," katanya.

Bellau berkata, kes akan disiasat di bawah Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam (Akta 672), individu atau syarikat yang menyebabkan longgokan sampah haram itu boleh didenda RM10,000 hingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Khairuladha berkata, pihaknya menyeru orang awam untuk menyalurkan sebarang maklumat kepada SWCorp Melaka dengan menghubungi talian 18007472 atau 06-2838953.